

25 SEP 2002  
MAHATHIR-CHONGQING/I  
DR MAHATHIR DIHORMATI RAKYAT CHINA

CHONGQING, 25 Sept (Bemama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Mahathir Mohamad dianggap sebagai "kawan baik" oleh orang China dan dihormati oleh rakyat China, kata He Guoqiang, setiausaha Suruhanjaya Chongqing CPC (Parti Komunis China).

Dalam pertemuannya dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang mengetuai rombongan perdagangan dan pelaburan ke Chongqing, Guoqiang berkata China gembira menjalin hubungan baik dengan Malaysia dan terdapat minat yang besar terhadap peluang perniagaan bersama Malaysia.

Justeru, beliau memberikan komitmennya dengan menyokong sepenuhnya semua ahli perniagaan Chongqing yang merancang menjalankan perniagaan dengan rakan sejawat dari Malaysia.

Beliau kagum melihat sambutan menggalakkan terhadap seminar Peluang Perniagaan Malaysia-China serta mesyuarat perniagaan individu.

Sementara itu Rafidah berkata beliau juga terkejut melihat perkembangan pesat yang berlaku di Chongqing dan bahagian barat China.

Beliau yakin syarikat-syarikat automotif Malaysia boleh beroperasi dengan jayanya di sini.

Chongqing berada di tempat pertama sebagai pengeluar terbesar motorsikal di China dan ketiga bagi bahagian dan komponen automotif. Empangan "Three Gorges Dam" juga terletak dalam kawasan perbandarannya. --  
BERNAMA

SHO KTC ZK